

Kosmo
12/1/15
m/s10

1,001 kisah menarik Teluk Intan

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR
luqman.ridhwan@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Teluk Intan merupakan satu daripada bandar lama yang menyimpan pelbagai kisah sejarah memabitkan penduduk negeri Perak satu ketika dahulu.

Terletak di selatan Perak, Teluk Intan merupakan pusat pentadbiran bagi daerah Hilir Perak.

Seorang pekerja swasta, **Syahrul Amry Isa**, 30, berkata, bandar lama tersebut harus dikunjungi oleh mereka yang mahu mengenali negeri Perak kerana di situ tersimpan 1,001 kisah menarik memabitkan komuniti tempatan.


Menurutnya, berdasarkan aspek tersebut, ia menjadikan Teluk Intan sebagai sebuah destinasi wajib untuk dikunjungi oleh semua pelancong baik dari dalam mahupun luar negara.

“Sebagai contoh, tidak ramai yang tahu bahawa nama asal Teluk Intan ialah Teluk Mak Intan sempena nama seorang gadis berketurunan Mandailing dari Sumatera walaupun ada ketikanya ia bergelar Teluk Anson.



SYAHRUL AMRY SAHIDA

“Di bandar ini juga terletak bekas istana Raja Muda Perak dan jeti lama yang merupakan tempat kapal-kapal berlabuh memandangkan Teluk Intan pernah menjadi pusat pentadbiran bagi



MENARA Condong Teluk Intan merupakan antara mercu tanda bertaraf antarabangsa kebanggaan negeri Perak.

penjajah British,” katanya. Sementara itu, pegawai khidmat pelanggan, **Sahida Zulkifli**, 23, pula berkata, satu daripada tarikan yang terdapat di bandar berkenaan ialah Menara Condong Teluk Intan. Katanya, ia dilihat seakan-akan Menara Condong Pisa, Itali

INFO Pelancongan Perak

Perak Tourism
 @perakTourism
 perak tourism
www.travelperak.com
Kosmo!
 kosmo.online
 @kosmo_onlne
www.kosmo.com.my
 Tel: 03-9232 4430 (Mas)
 03-9232 4428 (Din)
 Untuk maklumat lanjut, layari laman web:
 • Lost World of Tambun di www.sunwaylostoftambun.com
 • Nikon Malaysia di www.nikon.com.my

ia harus dikunjungi oleh semua orang, terutama bagi individu yang cintakan sejarah,” ujarnya.

Sementara itu, Eksekutif Pengurusan Jenama *Kosmo!*, Mohd. Fikri Hamdan berkata, orang ramai yang ingin menyertai Peraduan Destinasi Menarik Perak boleh menghantar borang peraduan sebanyak mana yang dimahukan bagi merebut hadiah terkumpul bernilai RM120,000.

“Pihak penganjur tidak mengahadkan jumlah penyertaan dan mereka yang berminat untuk menyertai peraduan tersebut digalakkan menghantar borang peraduan sebanyak mana yang mungkin.

“Semakin banyak borang peraduan yang dihantar, semakin cerah peluang untuk memenangi hadiah lumayan berupa wang tunai, telefon pintar, pakej percutian dan baju-T *Kosmo!*” jelasnya.

Peraduan Destinasi Menarik Perak yang bermula serentak dengan Pertandingan Fotografi Destinasi Menarik Perak pada 12 Disember lalu dianjurkan oleh kerajaan negeri Perak dengan kerjasama akhbar *Kosmo!*

dengan ketinggian 25.9 meter serta mempunyai tiga tingkat dan 110 anak tangga yang diperbuat daripada kayu. “Berfungsi sebagai menara jam ketika awal pembinaannya pada tahun 1885, kini ia sudah menjadi sebuah ikon bertaraf antarabangsa dan sudah tentu